

**AKTIVITI
KEMENTERIAN/
JABATAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN
BERKANUN
PERSEKUTUAN**

RINGKASAN KESELURUHAN LKRN 2020 SIRI 1

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Jumlah Kos Keseluruhan



RM39.719 bilion

1
SISTEM
ICT

3
PROJEK

6
PROGRAM/
AKTIVITI

- **RM36.10 juta**
Pembangunan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (ISPEKS)

- **RM1.586 bilion**
Projek Menaik Taraf Perkhidmatan KTMB
- **RM1.472 bilion**
Pengurusan Projek Pembangunan Kompleks Bersepadu Imigresen, Kastam, Kuarantin & Keselamatan Bukit Kayu Hitam (ICQS)
- **RM95.49 juta**
Penaiktarafan Keretapi Negeri Sabah

- **RM31.378 bilion**
Pengurusan Program Kolaborasi Industri
- **RM4.305 bilion**
Pengurusan Perkhidmatan & Kawal Selia Pembetungan di Semenanjung Malaysia
- **RM846.09 juta**
Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar
Pengurusan Aktiviti Audit Cukai Syarikat
Pengurusan Program Pembangunan Tenaga Boleh Baharu
Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat

2 Telah Tercapai

1. Pengurusan Aktiviti Audit Cukai Syarikat
2. Pengurusan Program Pembangunan Tenaga Boleh Baharu

4 Tidak Tercapai Sepenuhnya

1. Projek Menaik Taraf Perkhidmatan KTMB
2. Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar
3. Pengurusan Perkhidmatan & Kawal Selia Pembetungan di Semenanjung Malaysia
4. Pengurusan Program Kolaborasi Industri

4 Tidak Dapat Diukur

1. Pengurusan Projek Pembangunan Kompleks Bersepadu Imigresen, Kastam, Kuarantin & Keselamatan Bukit Kayu Hitam (ICQS)
2. Penaiktarafan Keretapi Negeri Sabah
3. Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat
4. Pembangunan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (ISPEKS)

Pencapaian
Objektif/
Keberhasilan
Projek

**RINGKASAN
ISU UTAMA**

1

1

1



**KEHILANGAN/
KERUGIAN WANG AWAM**

Aktiviti Kawalan Terhadap
Penggajian Ekspatriat

RM44.53 juta



PEMBAZIRAN

Pengurusan Program
Pembangunan Tenaga
Boleh Baharu

RM16.77 juta



PEMBOROSAN

Projek Menaik Taraf
Perkhidmatan KTMB

RM2.81 juta

7
KEMENTERIAN

10
KAJIAN

33
SYOR
AUDIT

- 2** Kementerian Kewangan
- 2** Kementerian Tenaga & Sumber Asli
- 2** Kementerian Pengangkutan
- 1** Kementerian Alam Sekitar & Air
- 1** Kementerian Pertahanan
- 1** Kementerian Dalam Negeri
- 1** Kementerian Sumber Manusia

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1, **sebanyak 10 pengauditan prestasi bernilai RM39.719 bilion telah dilaksanakan** di tujuh kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak enam pengauditan bernilai RM36.529 bilion melibatkan kategori program/aktiviti, tiga pengauditan bernilai RM3.153 bilion melibatkan projek, dan satu pengauditan bernilai RM36.10 juta melibatkan sistem ICT. Sebanyak tiga program/aktiviti tidak melibatkan perbelanjaan pembangunan iaitu Pengurusan Aktiviti Audit Cukai Syarikat, Pengurusan Program Pembangunan Tenaga Boleh Baharu dan Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat.

2. Sebanyak 10 pengauditan tersebut merangkumi seperti berikut:

- a. Dua pengauditan masing-masing melibatkan Kementerian Kewangan (MoF), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Pengangkutan (MoT) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- b. Satu pengauditan masing-masing melibatkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Kementerian Pertahanan (MinDef).

3. Secara keseluruhannya, daripada 10 program/aktiviti/projek yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:

3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif projek didapati:

- a. Sebanyak dua program/aktiviti/projek telah berjaya mencapai objektif projek seperti yang ditetapkan, iaitu Pengurusan Aktiviti Audit Cukai Syarikat dan Pengurusan Program Pembangunan Tenaga Boleh Baharu.
- b. Sebanyak **empat program/aktiviti/projek tidak mencapai sepenuhnya objektif projek** iaitu Projek Menaik Taraf Perkhidmatan KTMB, Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar, Pengurusan Perkhidmatan dan Kawal Selia Pembetulan di Semenanjung Malaysia dan Pengurusan Program Kolaborasi Industri.
- c. Sebanyak **empat program/aktiviti/projek tidak dapat diukur** iaitu Pengurusan Projek Pembangunan Kompleks Bersepadu Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam (ICQS), Penaiktarafan Keretapi

Negeri Sabah, Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat dan Pembangunan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS).

3.2. Terdapat **satu kes melibatkan kehilangan/kerugian wang awam bernilai RM44.53 juta** melibatkan program Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat. Perkara ini melibatkan tunggakan cukai oleh 5,903 orang ekspatriat yang telah keluar dari Malaysia sehingga 31 Disember 2020.

3.3. Terdapat juga **satu kes pembaziran bernilai RM16.77 juta** melibatkan Pengurusan Program Pembangunan Tenaga Boleh Baharu. Perkara ini berkaitan peralatan fotovolta bernilai RM16.77 juta bagi 1,285 peserta yang tidak dapat dipasang, masih belum/tidak dapat digunakan dan disimpan di stor sejak bulan Disember 2018.

3.4. Di samping itu berlaku **satu kes pemborosan bernilai RM2.81 juta** melibatkan Projek Menaik Taraf Perkhidmatan KTMB. Perkara ini melibatkan alat ganti yang telah dibekalkan tetapi tidak digunakan secara optimum.

4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, **Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 33 syor** untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkaitan. Antara syor yang dikemukakan adalah kementerian/jabatan/agensi dimohon menjalankan kajian terperinci bagi setiap cadangan projek terlebih dahulu sebelum diluluskan. Selain itu, kementerian/jabatan/agensi juga harus mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan program/aktiviti/projek dilaksanakan mengikut jadual atau prosedur operasi standard yang ditetapkan. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan perlu menetapkan kriteria dan mekanisme penilaian keberhasilan semasa di peringkat perancangan untuk setiap program projek yang dilaksanakan.